

Media Title : Berita Harian  
Headline : Guru wanita rugi RM527,000 kena tipu 'pegawai MCMC'  
Date : 20 September 2024  
Section : Nasional  
Page : 18



# Guru wanita rugi RM527,000 kena tipu 'pegawai MCMC'

**Mangsa diarah buka akaun bank bersama kad ATM dengan nombor pin diberi suspek**

Oleh Asrol Awang  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Kuantan:** Seorang guru wanita dari Raub kerugian lebih RM527,000 selepas diperdaya individu menyamar sebagai pegawai

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Ketua Polis Pahang, Dato' Sri Yahaya Othman, berkata berdasarkan laporan, mangsa berusia 51 tahun menerima panggilan telefon kononnya daripada MCMC yang memaklumkan ada aduan terhadap nombor telefon mangsa pada 5 Ogos lalu.

Beliau berkata, panggilan telefon itu kemudian disambungkan kepada suspek yang menyamar sebagai pegawai polis.

"Suspek mengatakan mangsa mempunyai barang yang menyalahi undang-undang dan terba-

bit dengan pengubahan wang haram, iaitu mahkamah mengeluarkan waran tangkap terhadapnya.

"Mangsa diarah membuka akaun bank baharu bersama kad mesin automatik mesin (ATM) dengan nombor pin yang diberikan suspek.

"Dalam tempoh 9 Ogos hingga 13 September lalu mangsa diminta memindahkan semua wang simpanan dan wang hasil jualan barang kemas ke akaun bank itu bagi tujuan siasatan.

"Mangsa juga diarah membuat pinjaman peribadi berjumlah RM250,000 daripada sebuah bank dan dimasukkan ke dalam akaun

bank itu.

"Suspek meminta mangsa meletakkan kad ATM itu di tempat yang diberikan. Siasatan mendapat sumber wang kerugian ini wang simpanan, barang kemas dan pinjaman peribadi. Kes dijasasat mengikut Seksyen 420 Kanan Keseksaan," katanya dalam kenyataan semalam.

## Segera buat semakan

Susulan kes itu, beliau menasihati orang ramai yang menerima panggilan meragukan untuk segera membuat semakan dengan polis atau agensi berkenaan bagi mengelakkan menjadi mangsa penipuan.

“Mangsa juga diarah membuat pinjaman peribadi berjumlah RM250,000 daripada sebuah bank dan dimasukkan ke dalam akaun bank itu”



**Yahaya Othman,  
Ketua Polis  
Pahang**

“Masyarakat juga diingatkan sentiasa berhati-hati dan mengambil langkah pencegahan yang sewajarnya bagi mengelakkan menjadi mangsa penipuan dalam talian,” katanya.